



CAMBRIDGE  
International Education

# Cambridge IGCSE™

---

**MALAY**

**0546/13**

Paper 1 Listening

**May/June 2025**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

**E Cambridge Assessment International Education, June 2025 examination in Malay. Paper 1, Listening for Cambridge IGCSE.**

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

**M1** Anda menolong ibu untuk menyediakan majlis hari jadi kakak.

**M1 Soalan 1**

**M1** Anda mahu tahu bila majlis akan bermula. Ibu berkata:

**F1** \* Majlis akan bermula pada pukul tiga petang.

**M1** Pada pukul berapa majlis akan bermula? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 2**

**M1** Anda mahu hias bilik. Ibu berkata:

**F1** \* Awak boleh gantung belon-belon di dinding.

**M1** Apa yang anda boleh gantung? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 3**

**M1** Anda mahu tahu tempat untuk letak pinggan. Ibu berkata:

**F1** \* Letak pinggan di atas meja.

**M1** Di manakah anda mesti letak pinggan?\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 4**

**M1** Anda perlu bekas untuk buah-buahan. Ibu berkata:

**F1** \* Ambil mangkuk dari dapur.

**M1** Apakah yang anda perlu ambil? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 5**

**M1** Anda tanya ibu tentang hiburan untuk majlis itu. Ibu berkata:

**F1** \* Seorang penyanyi akan menghiburkan tetamu.

**M1** Siapakah yang akan menghiburkan tetamu?\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 6**

**M1** Kawan anda Sarah membawa hadiah. Ibu berkata:

**F1** \* Cantiknya bunga itu!

**M1** Apakah hadiah yang dibawa oleh Sarah?\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 7**

**M1** Tetamu dijemput menyertai permainan. Ibu berkata:

**F1** \* Pergi ke taman untuk aktiviti ini.

**M1** Ke manakah tetamu mesti pergi?\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 8**

**M1** Ibu ada kejutan untuk kakak. Dia berkata:

**F1** \* Kucing ini istimewa untuk awak.

**M1** Apakah yang istimewa untuk kakak? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman tentang suatu acara untuk Hari Keluarga. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

**F1** \* Selamat datang! Kita akan memulakan acara Buru Harta Karun di sekolah ini. Anda semua telah mendaftar sebagai keluarga dan mestilah berkumpul di depan gelanggang bola keranjang.

**F1** Sepuluh keluarga yang mengambil bahagian akan mencari barang-barang tersembunyi di sekitar bandar kita. Anda semua akan diberi maklumat di dalam sampul surat untuk mencari barang-barang ini.

**F1** Apabila ada antara ahli keluarga anda yang menjumpai sesuatu barang itu, anda mestilah meletakkan barang itu di dalam bakul. Pangkah barang yang dijumpai itu di dalam senarai anda.

(Pause 5 seconds.)

**F1** Anda semua diingatkan untuk membawa minuman sendiri kerana hari panas dan kalau boleh pakai topi. Perjalanan di sekitar bandar akan mengambil masa dua jam.

**F1** Sekiranya anda memerlukan bantuan, ada ramai sukarelawan di sepanjang laluan Buru Harta Karun ini. Mereka akan berdiri berhampiran tiang yang akan diikat dengan bendera segi tiga.

**F1** Semua peserta mesti sampai di hadapan menara jam di pusat bandar pada pukul 5 petang. Keluarga yang tiba dahulu dengan semua barang yang dijumpai akan diberikan hamper makanan yang ditaja oleh Pasar Raya Melur! \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

**M1** Anda akan mendengar perbualan antara Mazni dengan Badri tentang tempat-tempat kerja sambilan Mazni.

**M1** Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak dua kali.

**M1** Padangkan nama tempat dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap tempat, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

**M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Mazni, saya dengar awak ada banyak pengalaman bekerja di banyak tempat. Awak pernah menjadi pegawai informasi di pusat pelancongan. Bagaimana pengalaman awak bekerja di situ?

**F1** Ya, saya bekerja di banyak tempat mencari bahan penyelidikan untuk buku yang saya sedang tulis. Dan pusat pelancongan itu sangat menarik. Di situ saya berjumpa dengan ramai orang dari pelbagai negara.

**M1** Awak juga pernah bekerja di pusat hiburan, bukan?

**F1** Ya, betul. Di situ saya bekerja selama sebulan sahaja. Suasananya sangat meriah tetapi terlalu bising bagi saya. Saya lebih suka tempat yang lebih aman.

**M1** Selepas itu awak juga bekerja di perpustakaan?

**F1** Ya, perpustakaan memang sunyi dan sangat sesuai. Rakan-rakan sekerja saya banyak membantu dan menyumbang terhadap penyelidikan saya.

**M1** Jadi, mengapakah awak berhenti kerja di situ?

**F1** Oh, sebab saya mendapat kerja di tempat yang lebih tenang dan mengilhamkan. Dengan pengalaman bekerja dengan pelancong, saya ditawarkan pekerjaan di Hotel Melati di puncak Gunung Jerai. Waktu bekerja tidak lama, jadi saya dapat menulis.

**M1** Saya ingat Mazni juga pernah bekerja di luar negara, bukan?

**F1** Ya, saya berpeluang bekerja di sebuah sekolah antarabangsa yang memerlukan guru bahasa Melayu. Oleh kerana saya ada kelayakan mengajar, saya bekerja di sebuah sekolah di Bangkok selama setahun sahaja. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar satu temu bual antara Ariff dengan Husna, seorang johan syarahan. Temu bual ini terdapat dalam dua bahagian.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo, Husna. Tahniah! Bagaimana anda mula berminat dalam bidang syarahan?

**F1** Helo! Terima kasih. Saya selalu ikut kakak saya, johan syarahan di sekolah kami. Sebagai johan sekolah, dia pergi ke peringkat daerah di mana dia juga menang. Tetapi dia cuma naib johan di peringkat negeri.

**M1** Bila Husna sendiri melibatkan diri?

**F1** Ibu bapa saya fikir saya mesti membina keyakinan diri. Semasa saya masuk ke sekolah menengah, saya didaftarkan untuk menyertai kelab perbahasan dan syarahan. Kawan-kawan saya lebih suka aktiviti seni.

**M1** Bagaimanakah Husna bermula?

**F1** Untuk bercakap di hadapan orang ramai, saya mesti tahu dan faham apa yang saya sampaikan. Oleh itu, saya mesti banyak membaca. Saya mesti ada pendapat tentang sesuatu isu dan boleh meyakinkan pendengar.

**M1** Anda ingat atau tidak pertandingan syarahan anda yang pertama?

**F1** Pasti saya ingat sebab saya sangat teruja berada di situ. Ibu bapa saya pun ada. Mereka berasa bangga apabila saya menang. Topik yang disampaikan ialah ‘Pembelajaran dalam talian lebih baik daripada pembelajaran bersemuka’.

**M1** Bagaimanakah anda berlatih untuk bercakap?

**F1** Mula-mula saya menulis ringkasan dan hafal perkara-perkara yang penting sahaja. Saya berlatih sendiri di dalam bilik, di bilik mandi. Saya tidak boleh baca dari kertas semasa bersyarah.\*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual antara Ariff dengan Husna sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(*Pause 30 seconds.*)

**M1** \*\*\* Apa manfaatnya kalau anda pandai bersyarah?

**F1** Tentu sekali keyakinan diri. Dulu saya seorang pendiam dan malu untuk bercakap. Sekarang saya suka memberi pendapat, cuba meyakinkan orang lain dan mempertahankan pandangan saya. Saya tidak takut lagi bercakap dengan orang ramai.

**M1** Apakah minat lain Husna?

**F1** Berbahas - sebab berbahas juga menggunakan kemahiran yang serupa. Selain itu, saya juga suka bergiat dalam bidang teater dan bermain muzik. Semua minat saya memerlukan saya berhadapan dengan penonton.

**M1** Bagaimanakah Husna memperbaiki bakat?

**F1** Saya telah membaca buku-buku tentang pengucapan awam. Tetapi saya rasa lebih bagus untuk melihat cara pemimpin-pemimpin terkenal bercakap. Saya suka memerhatikan cara mereka menggunakan pergerakan badan untuk berkomunikasi.

**M1** Apakah cita-cita Husna?

**F1** Ada beberapa pilihan. Bapa saya ingin saya bekerja di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York di mana saya boleh menggunakan kemahiran bercakap. Ibu saya rasa saya sesuai bekerja sebagai peguam. Saya fikir saya mungkin masuk bidang politik.

**M1** Terima kasih. \*\*\*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 29 hingga 34**

**M1** Anda akan mendengar temu bual dengan Armin tentang pengalamannya sebagai pelajar program pertukaran pelajar. Anda akan mendengar temu bual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa temu bual.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

**F1** \* Helo Armin. Boleh anda perkenalkan diri anda?

**M1** Saya baru pulang dari negara Belanda di mana saya menyertai program pertukaran pelajar dan tinggal dengan dua buah keluarga di sana selama tiga bulan – tiga bulan yang sangat menggembirakan. Sebelum pergi saya berasa bimbang, sekarang saya agak sedih kerana meninggalkan kawan-kawan baharu.

**F1** Menarik! Tetapi mengapa pilih dua buah keluarga?

**M1** Saya ingin tinggal dengan keluarga di kota raya dan juga keluarga di desa kerana ini terbukti memberi pengalaman yang lebih menyeluruh tentang kehidupan di negara orang. Saya pilih keluarga pengeluar keju di Edam yang terkenal dengan kejunya , dan keluarga di bandar pelabuhan Rotterdam yang lebih sibuk.

**F1** Mengapa anda memilih desa Edam?

**M1** Saya kenal Edam sebelum saya pergi ke tempat itu sebab saya suka makan keju. Saya ingin lihat kehidupan di sana, pemandangan yang dihiasi kincir angin dan saksikan cara mereka membuat keju. Pada masa yang sama saya mahu berada di tempat yang penduduknya kurang berbahasa Inggeris supaya saya boleh berlatih bercakap bahasa Belanda yang saya sudah pun belajar semasa di Malaysia.

(*Pause 15 seconds.*)

**F1** Apakah yang berbeza dengan kehidupan di Rotterdam?

**M1** Selepas dua bulan di Edam, saya sudah dapat menguasai bahasa Belanda dan yakin saya dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan dengan keluarga di desa. Rotterdam ternyata sebuah bandar kosmopolitan - malah ramai orang Indonesia dan juga sekelompok orang Malaysia yang sudah lama bermastautin di sana. Dan orang di sini suka menjemput saya untuk makan di rumah mereka.

**F1** Anda boleh menyesuaikan diri dengan cuaca di sana?

**M1** Pada mulanya sukar juga sebab saya tiba pada hujung musim luruh. Di Malaysia pula cuaca sungguh panas pada masa itu. Jadi ambil masa untuk membiasakan diri. Bagaimanapun pemandangan sangat cantik. Pada musim sejuk pula, saya berada di Rotterdam dan sungai beku. Memang suatu pengalaman yang tidak pernah saya alami. Tetapi inilah yang saya mahu. Kalau tidak mahu apa-apa perubahan dalam kehidupan kita, tidak usah keluar dari negara sendiri.

**F1** Apakah anda rasa pengalaman ini telah mengubah diri anda?

**M1** Saya mengakui saya sudah berubah dari segi sikap dan cara saya berfikir. Minda saya lebih terbuka. Betullah kata pepatah ‘jauh perjalanan luas pemandangan’. Saya rasa saya mungkin kembali ke negara Belanda untuk mencari peluang pekerjaan di sana untuk menambahkan lagi pengetahuan saya mengenai negara ini.

**F1** Terima kasih, Armin \*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temu bual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar temu bual dengan Farah, seorang pencipta kandungan atau content creator. Anda akan mendengar temu bual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa temu bual ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda (✓) dalam **dua** kotak yang betul (**A**, **B**, **C**, **D** atau **E**).

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(*Pause 45 seconds.*)

**M1** \* Farah, anda ialah pencipta kandungan atau content creator yang menjadi rebutan sekarang ini.

**F1** Ya – saya sungguh tidak sangka!

**M1** Boleh terangkan apa yang Farah buat?

**F1** Kita hidup dalam dunia digital. Pencipta kandungan ialah seseorang yang membuat kandungan yang ada nilai hiburan atau pendidikan yang boleh digunakan di media sosial seperti Tik-Tok dan Instagram.

**M1** Siapakah yang menggunakan perkhidmatan anda?

**F1** Tidak semua orang boleh atau ada masa untuk menyediakan kandungan dengan cepat. Sayalah orangnya. Setakat ini, ada beberapa orang artis, penulis buku dan juga model yang menggunakan perkhidmatan saya.

**M1** Apakah yang anda perlu untuk tugas ini?

**F1** Anda mestilah seseorang yang kreatif untuk menghasilkan sesuatu yang menarik dan ada kelainan untuk menarik perhatian.

(*Pause 20 seconds.*)

**M1** Bagaimanakah Farah bermula?

**F1** Kawan saya ialah seorang penyanyi. Saya membuat rakamannya bukan sahaja semasa persembahan, tetapi juga di belakang tabir. Orang muh lihat apa yang berlaku di belakang pentas.

**M1** Dan...

**F1** Saya memuatkannya di Tik Tok dan Instagram. Dia mendapat lebih ramai pengikut dalam masa beberapa jam sahaja. Dan apabila media arus perdana nampak perkembangan penyanyi yang baru mula muncul, mereka juga menulis mengenainya.

**M1** Bagaimanakah orang tahu mengenai Farah?

**F1** Orang nampak saya selalu di sisi kawan saya. Dan saya ditemu bual oleh media lain.

**M1** Adakah Farah mempunyai syarikat sendiri?

**F1** Ya. Sekarang saya memerlukan dua orang pembantu lagi untuk menolong saya sebab saya ada ramai pelanggan lain.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Sebelum ini Farah buat apa?

**F1** Saya baru pulang dari pengajian di luar negara. Saya masih mencari pekerjaan semasa diminta menolong kawan melancarkan kerjayanya sebagai penyanyi. Kebetulan pula, pengajian saya ialah mengenai media baharu.

**M1** Farah ada pengetahuan dalam bidang inilah!

**F1** Ya, saya membuka agensi sendiri, memberi ceramah tentang cara mencipta kandungan dan macam-macam lagi.

**M1** Sungguh menarik. Ada sambutan?

**F1** Tentu sekali. Banyak syarikat memerlukan bantuan menulis kenyataan akhbar, brosur dan risalah.

**M1** Dan bayarannya lumayan?

**F1** Orang yang mahu mendapat perhatian segera, dengan impak yang kuat akan membayar apa saja. Mereka yang mempunyai ramai pengikut tidak ada masa untuk mengendalikan media sosial sendiri. Saya berpuas hati.

**M1** Terima kasih, Farah! \*\*

(Pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temu bual ini untuk kali kedua

(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes)

**M1** Ujian tamat.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.